

Malaysia tidak pernah halang pelaburan Singapura

UM - 24/1/2007

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Malaysia tidak pernah menghalang Singapura daripada melabur di negara ini, malah sentiasa mengalu-alukan pelaburan daripada negara jirannya itu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, hakikat ini terbukti kerana Singapura merupakan antara negara pelabur terbesar di Malaysia.

Selain itu, kedua-dua negara juga jelas beliau, telah menjalin hubungan ekonomi yang rapat sejak sekian lama.

"Saya sendiri mengetuai delegasi ke Singapura setiap tahun untuk menjelaskan polisi dan pembangunan terkini negara, insentif kerajaan dan melaksanakan proses pepadanan perniagaan dengan kerjasama Persatuan Pembuatan Singapura.

"Jalinan ekonomi yang kukuh ini menjadi tunjang kekuatan hubungan pelaburan kedua negara yang tidak pernah berubah, tidak kira apa keadaan politik di mana-mana negara.

"Oleh itu, sebarang tanggapan bahawa Malaysia tidak mengalukan pelaburan Singapura adalah tidak benar kerana pelabur Singapura telah dan terus melabur di Malaysia," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan berita mengenai pelaburan Singapura di Malaysia yang dibangkitkan di Parlimen negara itu semalam.

Menurut laporan itu, anggota Parlimen bagi kawasan

GRC Ang Mo Kio, Lee Bee Wah berkata, Singapura telah menganugerahkan projek resort bersepadu di Pulau Sentosa kepada sebuah syarikat Malaysia.

Beliau mempersoalkan sama ada pelaburan Singapura kini lebih dialu-alukan di Malaysia, khususnya di Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER).

Sementara itu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Lim Hng Kiang yang menjawab soalan itu menyatakan bahawa keputusan yang dibuat adalah berdasarkan merit cadangan dan berharap Malaysia juga akan menyambut baik pelaburan Singapura berdasarkan sebab yang sama.

Perniagaan

Rafidah berkata, keadaan ini turut berlaku di negara-negara lain seperti Britain dan Australia yang mana keputusan perniagaan dan pelaburan yang dibuat tidak dipengaruhi oleh sebarang perbezaan politik.

Tegas beliau, selagi Malaysia kekal sebagai negara yang berdaya saing dan mesra pelabur, negara-negara luar akan terus berminat untuk melabur di negara ini.

"Saya gembira melihat Singapura telah melabur dan terus membuat pelaburan di kawasan yang disasarkan.

"Pelaburannya bukan sahaja terhad kepada bidang pembuatan tetapi juga aspek lain seperti perkhidmatan," katanya.